



بـشـریـاتـیـہ اـنـجـیـلـیـہ اـنـجـیـلـیـہ

الجامعة الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
يونیبرسیتی اسلام اندازانگسـا

MAHKAMAH KADI DAHULU

DAN

SEKARANG

DI SEDIAKAN

O

L

E

H

ABDUL RAZAK BIN MOHD TAIB
DIPLOMA UNTANG-UNTANG
DAN PENTADBIRAN KESAKITAN ISLAM
SESSI 1988/89

PENYELIA
TAN SRI PROF. AHMAD MOHAMED IBRAHIM
AHLEMAH JONED
UNIVERSITI ISLAM MELAKA

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENDAHULUAN	1
SEKALIJUNG PENGHARGAAN	7
BAB 1 KEDATANGAN ISLAM KE MALAYSIA	9
Kedah	13
Kelantan	15
Terengganu	17
Melaka, Johor	18
Pahang	19
Perak	20
Selangor, Negeri Sembilan	21
Sabah dan Sarawak	22
BAB 11 UNDANG-UNDANG ISLAM SEBELUM CAMPURTANGAN INGGERIS	31
Hukum Qisas	31
Hukum Hudud	35
Undang-undang Muamalah	38
Undang-undang Keterangan dan Acara	40
Hukum Bersaksi	41
Acara Pembicaraan	42
Undang-undang Pahang	47
Undang-undang Johor	49
Undang-undang Kedah	50
Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan	
Perak	52
Undang-undang Islam di Kelanyan	54
BAB 111 CAMPURTANGAN INGGERIS DAN KESANNYA TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM	63
Undang-undang Islam Mula diKetepikan	68

Pekara	Halaman
Undang-undang Islam diBawah Perlembagaan	77
Penubuhan Mahkamah Syariah	78
Mahkamah Syariah diBawah Pejabat Agama	80
Bidangkuasa Mahkamah Syariah	81
Enakmen Pentadbiran Agama Islam	85
Jawatankuasa Ulang bicara (Rayuan)	86
 BAB V PERMASALAHAN SERTA CARA MENGATASINYA	 90
Sikap Ahli Undang-undang dan 'Alim Ulama'	92
Sikap Masyarakat Majmuk	95
Taraf Kedudukan dan Perlantikan Hakim dan Kadi	96
Kekurangan Pegawai dan Kaktangan	97
Cara mengatasi Kelemahan	98
 PENUTUP	 105

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى مَنْ لَأَنَّبَيَ بَعْدَهُ
وَعَلَى الْمَوْضَعِ وَمَنْ وَآكَهُ.

Segala puji hanya layak untuk allah s.w.t. T. han yang mencipta seru sekelian alam. Selawat dan salam khas ditujukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan seterusnya kepada para-para sahabat,keluarganya serta pengikut-pengikutnya. Amin ya rab balalami.

Penulis yang dhaif,lagi yang mempunyai sifat-sifat kekurangan ini bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufik,hidaya certainayah Nya, penulis dapat juga menyiapkan kertas projek ini sekadar yang termampu.

Kajian serta penulisan ini dibuat, adalah semata-mata untuk memperlihatkan satu gambaran umum kedudukan sebenar Mahkamah-Mahkamah Kadi dulu dan sekarang. Disamping itu juga penulis ingin mencuba memaparkan permasalahan-permasalahan yang sedang dan yang akan dihadapi oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah sekarang.

Selain dari itu, kerja latihan ilmiah ini dibuat ialah untuk membolehkan penulis mengemukakan kepada Fakulti Undang-undang Universiti Islam Antara Bangsa, Malaysia

sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Sehakiman Islam.

Saya cuba mengemukakan secara menyoroti beberapa fakta sejarah mengenai penubuhan, pemakaian dan perlaksanaan undang-undang di Malaysia sebelum pengenalan dan perlaksanaan undang-undang Inggris. Bilamana menyebut perkataan Mahkamah, maka terbaik yang kepada kita, satu gambaran umum yang mana, disana terdapat, sebuah bangunan sama ada ianya dipergunakan dari batu atau kayu, didalamnya pula terdapat sebuah meja dan kerusi hakim, kandang orang yang dituduh dan beberapa kerusi atau bangku panjang untuk mereka yang mahu mendengar satu-satu kes berjalan.

Lantaran itu penulis akan cuba memusatkan satu kajian secara ringkas sahaja dalam risalah kecil ini mengenai perjalanan Mahkamah-Mahkamah Kadi dulu dan sekarang. Ianya akan merangkumi juga masaalah yang menghalang ke arah perlaksanaan undang-undang Islam dan disarankan sedikit sebanyak langkah-langkah bagi mengatasinya.

Kerana dengan langkah-langkah yang seumur-masa ini, muga-muga akan dapat menolong mempercepatkan proses perkembangan dan peningkatan Mahkamah-Mahkamah Syariah diseluruh negara, dan akan dapat melihat secara jelas potensi dan kemampuan undang-undang tersebut dilaksanakan dalam arus pergolakan masyarakat majmuk dirantau ini.

Setiap permasalahan atau rintangan yang dihadapi, akan dapat diatasi, sekiranya kita mahu berusaha untuk mengatasinya, begitu juga penyakit, tiada satu penyakit yang tidak boleh diubati, sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud;

"Tiap-tiap penyakit ada obatnya"

Segala permasalahan atau rintangan dengan mengemukakan masaalah dan sedikit sebanyak tindakan penyelesaiannya mungkin boleh jadi bersifat sementara, dan mungkin banyak yak pula perubahan yang akan berlaku. Sungguh pun demikian paling tidaknya dapat dijadikan satu bahan renungan dan kajian oleh kita semua.

Masalah demi masaalah pasti akan berlaku, selagi mana manusia itu diberi oleh Allah s.w.t. dua unsur, iaitu

akal dan nafsu, sehingga manusia itu akan di beri dua tanda permasalahan yang dikira telah pun selesai diperingkat pertama, iaitu satu diperingkat yang paling atas sekali yang mana terletaknya akal, dan yang satu lagi diletakkan dibahagian bawah sekali yang mana melambangkan nafsu. Yang mendorong kepada saya untuk menengahkan masalah-masalah semasa yang hanya walaupun dapat diselesaikan atau diatasi, namun ia nya hanya tidak lebih duduknya diperingkat pertama sahaja.

Masalah dan penyelesaiannya yang terlalu sukar untuk dipisahkan dari faktur-faktur politik, kemasyarakatan sistem pemerintahan negara terutamanya perlombagaan dan undang-undang negara.

Seandainya permasalahan dan penyelesaian dapat di atasi, namun manusia tidak akan dapat milarikan diri nya diperingkat kedua, iaitu yang terakhir. Sejauh mana masalah boleh diatasi, dan sejauh mana pula keberkesanannya terhadap diri dan masyarakat. sama sama kita tunggu dan lihat sendiri.

Bertolak dari hakikat sebenar, pemakaian serta perlaksanaan undang-undang Islam di Mahkamah-Mahkamah Awam dan Mahkamah Kadi, kian lama kian pupus dari ingatan masyarakat sekarang. Justeru itu suatu apruch kearah pendekatan serta penyingkapan perlu dijelaskan secara syumul kepada setiap lapisan masyarakat disamping dapat pula menyedarkan mereka tentang kelebihan dan keistimewaan undang-undang tersebut.

Bagi menyakinkan perlaksanaan undang-undang berjalan lancar tanpa menghadapi halangan serta rintangan perlulah setiap individu masyarakat memahami punca-punca berlaku halangan dan rintangan tersebut, untuk kearah itu besar kemungkinan berlakunya dengan dua sebab:- Pertama dengan sebab sistem pemerintahan dan kedua, disebabkan oleh kejahilan manusia itu sendiri tentang undang-undang Islam.

Penyusunan kajian yang secara ringkas dan menyeluruh ini, ialah semata-mata menjadikan dorongan kepada ahli-ahli pengkaji undang-undang, terutama dibidang kehikiman Islam, masih belum banyak kedapatam ahli-ahli perundangan yang mahu tampil menyuarakan dengan secara lantang, kalau adapun hanya bersifat juzi yang

hanya dimuatkan dalam bentuk susunan dan kertas kerja dan tumpuan yang dibuat tidak lebih dari memaparkan dari sudut sejarah semata-mata, tanpa banyak mengaitkan dengan masalah-masalah semasa. Oleh itu suatu kajian yang bersifat komprehensif dan yang syumul hampir tidak ada.

Kekurangan sumber penulisan juga boleh menyebabkan berlakunya rintangan perlaksanaan undang-undang Islam di-Mahkamah Mahkamah Kadi, kalau pun ada cuma hanya setakat golongan yang tertentu sahaja. Namun demikian ia nya masih boleh diatasi, dengan cara gabungan tenaga antara golongan serjana perundangan barat dengan golongan sarjana perundangan Islam.



SEKALUNG PENGHARCAAN

Al-Hamdulilah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.W yang bersifat pengasih lagi penyayang, memberikan kepada hambanya yang dhaif ini taufik dan hidayah Nya serta kesabaran dalam menyedia dan menyiapkan kertas projek ini. Saya kalungkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada Tuan guru selaku penelia saya, Sohibul As Saadah Tan Sri Prof. Dr. Ahmad Mohamed Ibrahim. Ahilemah Joned yang memberi segala nasihat, pertolongan, bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya disempajang kajian projek ini hingga siap; Sungguh pun demikian saya merasakan masih banyak terdapat kelemahan dan kekurangan disana sini, terutama mengenai buku-buku rujukan.

Di kesempatan ini juga saya tidak lupa ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Prof. Madya Tuan Haji Salleh Bin Haji Buang, Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon A.Othman dan Prof. Madya Abdullah Abu Bakar, yang mana sama-sama berusaha memberi dorongan, nasihat, pertolongan serta tunjuk

ajar kepada saya disempenjang kursus ini. Juga tidak lupa saya ucapkah ribuan terima kasih kepada pihak fikulti undang-undang, Universiti Islam Antara bangsa, dalam Program Lepasan Ijazah, Diploma Undang Undang & Pentadbiran Kehakiman Islam.

Juga saya aturkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan, yang sama-sama membantu menyumbangkan buah fikiran, tegoran serta tumpuk ajar dalam manjayakan kertas projek ini.

"Jaza kumu llahmu khairan kasira".

Amin Ya Rabal Alamin.

oooooooooooo

Haji Abdul Razak Bin Haji Mohd Taib
Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran
Kehakiman Islam,
Universiti Islam Antara bangsa.

Tarikh; 26hb, Mei 1989,
20hb, Syawal 1409

BAB I

KEDATANGAN ISLAM KE MALAYSIA

Sebelum mengkaji mengenai Mahkamah-Mahkamah Kadi dulu atau pun sekarang, ada baiknya ditinjau secara ringkas sejarah kedatangan Islam ke Malaysia, kerana ia mempunyai hubungan rapat dengan kedudukan undang-undang Islam yang dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Kadi.

Kedatangan Islam ke Malaysia berkait rapat dengan kedatangannya ke seluruh Keoulaun Melayu dan Asia Tenggara.

Ahli sejarah Barat dan orientalis telah banyak menulis tentang kedatangan Islam ke Nusantara khasnya ke Mala-
sia ini, tetapi kebanyakannya dari mereka mengatakan bahawa Islam datang dan berkembang di Kepulauan Melayu ini semenjak abad ke 13 lagi. Menurut pendapat pengkaji se-
jarah Islam Tanah air, membuat rumusan bahawa Islam telah
tiba di Nusantara pada abad ke 7M lagi, ia itu pada zaman Rasullah masih hidup lagi. Di Tanah Melayu (Malaysia) pula, pengkaji-pengkaji sejarah Islam telah menjumpai kesan-kesan sejatah yang menunjukkan Islam sudah bertapak di Semenanjung Malaysia (Tanah Melayu) sebelum dari abad ke 13 M, diantaranya dinar emas di-

Kelantan yang telah dijumpai dalam tahun 1914, Ini menandakan sebuah Kerajaan Islam Kelantan telah terdiri diperengahan kedud dari abad ke 12 M.⁽¹⁾

seorang saintis Sepanyol yang bernama Emanuel Godinho Eredia, yang juga ahli Matematik Eropah yang pertama mempelajari tentang gugusan Pulau-Pulau Melayu, menulis bahawa akidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Pantai Persisiran Pantai Timur dan selepas itu barulah diterima dan disebarluaskan oleh Parameswara di Melaka pada Tahun 1411.⁽²⁾

Setengan dari pengkaji-pengkaji sejarah Indonesia mengatakan, keujudan Kerajaan Islam Melaka, yang mana Sultan Perlak Al Sultan Makdum Alauddin Malik Muhammad Amin Syah 11 Johan Berdaulat yang memerintah perlak 622-662 H/ 1225- 1263 M, telah menghwinkan puterinya yang pertama, namanya Puteri Ratna Kamala dengan Raja Melaka Al Sultan Muhammad Syah yang bergelar "Paramiswara Iskandar Syah". Ada juga ahli sejarah mengatakan bahawa Puteri Ratna Kamala itu dikahwinkan oleh ayahnya Raja Perlak dengan Raja Iskandar Syah, Raja Singapura.

Walau pun ada pertelingkahan antara dua sumber itu tentang Negeri Islam itu, yang pertama mengatakan Melaka dan yang kedua mengatakan Singapura, tetapi kedua-duanya me-

gatakan gelaran Raja itu "Iskandar Syah" dan pemerintahannya didalam Semenanjung Tanah Melayu dan masanya ialah pada zaman Negeri Perlak diperintah oleh Al Sultan Mak-dum Alauddin Malik Muhammad Amin Syah yang memerintah pada abad ke 13 M. (3)

Kedatangan Islam Ke Malaysia berkait rapat dengan kedatangannya ke seluruh Kepulauan Melayu. Mengikut De Jong bahawa iaanya merupakan sebahagian daripada gerakan yang besar dan harus ditinjau dalam hubungan yang luas meliputi seluruh Kepulauan Melayu. (4)

Menurut kebanyakan ahli sejarah menunjukkan bahawa Malaysia merupakan antara negara yang paling awal menerima kedatangan Islam di rantau ini. Walau bagaimana pun mereka masih belum bersepakat mengenai tarikh yang tepat mengenainya, kerana belum ditemui sumber sejarah yang tepat berkenaan kedatangan tersebut. Oleh kerana itu pendapat mereka masih menjadi persolan.

mengikut laporan dari tulisan orang Cina dan penemuan kesan-kesan sejarah menunjukkan mungkin kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu bermula pada abad Pertama Hijrah (Ketujuh Masihi); apabila saudagar-saudagar Arab Islam membuat penempatan di Kedah dan Palembang; akibat pelarian

mereka dari Canton⁽⁵⁾ Syed Muhammad Naguib Al Attas menyatakan bahawa peristiwa ini merupakan babak pertama kemasukan Islam ke daerah ini. ⁽⁶⁾ Hamka juga bersetuju dengan tarikh tersebut. ⁽⁷⁾

Suatu penemuan duit kening dirar yang dijumpai di Kelantan menunjukkan bahawa dalam tahun 577 Hijrah (1181 Masihi) telah wujud sebuah kerajaan Islam di Kelantan. ⁽⁸⁾ Bukti yang paling jelas ternyata pada Batu Bersurat Terengganu yang menunjukkan tarikh pertapakan Islam di negeri tersebut. Syed Muhammad Naguib Al Attas berpendapat Batu Bersurat tersebut bertarikh pada tahun 702 Hijrah (1303 Masihi). ⁽⁹⁾

Beberapa orang ahli sejarah Barat membuat ramalan mengenai tarikh Batu Bersurat tersebut. Antaranya D.G.E. Hall merakamkan dalam ramalannya antara tahun 1303 dan 1383 Masihi. ⁽¹⁰⁾ Ini bermakna mungkin agama Islam sudah bertapak di Terengganu sebelum dari tarikh tersebut.

Hikayat Raja-raja Pasai dan Sejarah Melayu menyebut bahawa penyebaran agama Islam di Sumatera Utara pada pertengahan abad ketiga belas Masihi. ⁽¹¹⁾ Merah Silu yang memerintah Pasai ketika itu menganut agama Islam dan menukar

kan namanya kepada Malik al-Saleh dan memerintah kerajaan Islam Pasai. (12) Baginda wafat pada tahun 1297 Masihi sebagaimana yang tercatat pada batu nisan baginda.

Penyibaran Islam di Kepulauan Melayu berlaku dengan pesatnya di dalam abad kelima belas Masihi dan selepas nya Setelah Melaka menerima Islam dan mengembangkannya. (13)

Pasai ketika itu telah merosot sebagai pusat perkembangan Islam. (14) Dalam masa yang singkat sahaja Melaka telah berjaya menyebarkan Islam ke seluruh Tanah Melayu , Pulau Jawaa, Moluku, Sulawesi, Borneo,Mindanao dan kepulauan Sulu di Filipina. (15)

terdapat juga pendapat yang menyatakan Islam datang ke Kepulauan Melayu melalui negeri China, kerana negeri tersebut sudah menerima Islam sebelum abad ke 10 Masihi lagi. (16)

Secara umum telah pun disentuh mengenai kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu.Untuk lebih khusus berkaitan kedatangan Islam ke Malaysia, maka ada baiknya ditinjau pula kedatangannya disetiap negeri di Malaysia.

KEDAH

Negeri Kedah yang terletak dibahagian utara Tanah Melayu

boleh dianggap sebagai negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam ke Malaysia, kerana mengikut laporan orang-orang Cina, Kedah telah menjadi tempat pelarian saudagar-saudagar Islam dari Canton dalam abad pertama Hijrah (ketujuh Masihi). Kemudiannya negeri tersebut telah muncul dan maju sebagai pusat perdagangan bagi orang Islam dan Cina. (17)

Walau bagaimana pun mengikut al Tarikh Salasiah Negeri Kedah, bahawa ianya menerima Islam kira-kira dalam tahun 531 Hijrah (1136 Masihi); apabila Raja Kedah yang bernama Derba Raja memeluk Islam hasil dari dakwah yang dilakukan oleh Tuan Shaykh Abdullah dari Yaman;

"Maka Tuan Shaykh Abdullah pun masuk men-gadap Sri Paduka Maharaja Derba Raja dan zahirkan hukuman-hukuman agama Islam ke-pada baginda. Maka Tuan Shaykh Abdullah pun duduk didalam negeri Qalha memberi nasihat kepada Sri Paduka Maharaja Derba dan kepada segala menterinya mengikut aja-ran Islam. Dengan kurnia Allah Subha Nahu Wa Ta ala diatas hambanya, maka telah ber-imanlah Sri Paduka Maharaja Derba Raja dan segala menteri-menterinya ... nama Sultan diubah kepada Sultan Muzaffar Shah dan

negeri Kedah sebagai Darul Aman..... (18)

Dalam Hikayat Merong Mahawangsa pula mengatakan:

"Sebelum datanglah khabar itu ke Negeri
Acheh mengatakan Shaykh Abdullah membawa
agama Syariat Nabi Muhammad Rasullah di-
dalam negeri Kedah dengan amat keras Sy-
araknya". (19)

Berdasarkan sumber-sumber tersebut diatas, dapatlah di-
fahamkan bahawa kemungkinan Kedah menerima Islam seawal-
awalnya dalam abad Pertama Hijrah (Ketujuh Masihi) dan
selewat-lewetnya dalam abad ketiga belas Masihi. Walau
bagaimanapun agama Islam secara menyeluruh di negeri ter-
sebut ternyata berlaku setelah ianya ditakluki oleh Mela-
ka pada abad kelima belas Masihi. (20)

KELANTAN

Negeri Kelantan mungkin menerima kedatangan Islam sebelum
tahun 577 Hijrah (1181), kerana dalam tahun tersebut ter-
nyata sudah wujud kerajaan Islam di Kelantan sebagai-
mana yang terbukti pada wang Diner yang dijumpai di beke-
as tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914. (21)

Ebnu Batuta telah singgah di "Kilu Kerai" dalam pelayarannya dari India ke China. Menurutnya, beliau pernah menemui raja perempuan yang beragama Islam memerintah Kelantan bernama Urduja.⁽²²⁾ Dalam tahun 1411 Masihi, Maharaja Ku Umar (Engku Umar) pula memerintah Kelantan dan pada tahun 1421 Cheng Ho pernah tiba di Kelantan untuk membuat persahabatan antara Kelantan dengan China. Kelantan menjadi sebuah kerajaan yang kuat dan terkenal semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah kira-kira dalam tahun 1506. Semasa pemerintahan baginda kerajaan Islam Melaka menaluki Kelantan dan meletakkan Kelantan dibawah jajahannya.⁽²³⁾

Ketika Kelantan diperintah oleh Cik Siti Wan Kembang dalam tahun 1610 Masihi yang bersemayam di Gunung Cinta wangsaa, Hulu Kelantan, ramai saudagar-saudagar, terutamanya saudagar Islam datang bermiaga dan menyibarkan agama Islam di Kelantan.⁽²⁴⁾

Kedatangan Islam ke Kelantan merupakan berkait rapat dengan pertapakan Islam di Champa dipertengahan abad kesepuluh Masihi lagi. Ahli sejarah berpendapat, bahawa hubungan antara kerajaan Islam Champa (Kemboja) dengan Kelantan telah wujud sejak sekian lama sehingga pengaruh kebudayaan negeri itu telah menyerap masuk ke Kelantan. Ini bermakna apabila Islam diterima di Champa, maka mungkin mem-

pengaruhi sama negeri Kelantan bagi menerima Islam. (25)

TERENGGANU

Negeri Terengganu juga mungkin merupakan negeri yang terawal menerima kedatangan Islam di Malaysia. Kemungkinan ini berdasarkan bukti yang terdapat pada Batu Bersurat Terengganu. Mengikut Prof. Muhammad Naguib al-Attas, Batu Bersurat tersebut bertarikh 22hb, Februari, 1303 Masihi bersamaan 14hb, Rejab, 702 Hijrah. (26)

Tarikh Batu Bersurat mungkin tidaklah dapat dijadikan alasan bahawa agama Islam muali diterima oleh negeri tersebut pada tarikh itu, kerana agama Islam mungkin telah bertapak di Terengganu sebelum dari tarikh Batu Bersurat tersebut. Ini berdasarkan kepada tidak tercatat di Batu tersebut mengenai perisytiharan Rukum Iman dan Rukum Islam, tetapi sudah tercatat mengenai beberapa undang-undang Islam bagi kesalahan dan hukuman orang-orang yang mencuri, berzina dan perkara hutang piutang. (27)

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa Islam dibawa datang secara langsung dari Tanah Arab oleh pendakwah-pendakwah Arab, kerana dalam abad keenam belas Masihi seorang ulama Islam dari Hadar al-maut bernama Shariff Muhammad telah datang ke Terengganu. Kedatangan beliau mungkin dapat dianggap sebagai lanjutan daripada kedatangan pen-

dakwah-pendaikwah sebelum ini. (28)

MELAKA

Melaka menerima Islam kira-kira dalam tahun 812 Hijrah (1409), ini berdasarkan pendapat Prof. Syed Muhammad Naguib; (29) Sejarah Melayu ada menyebut bahawa Melaka menerima Islam atas dakwah yang dilakukan oleh Syyed Abd al-Aziz dari Jeddah. (30)

Pemerintah-pemerintah Melaka sangat mengambil berat mengenai agama Islam, sehingga ianya dijadikan sebagai agama resmi Melaka dimasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah ... (1446-1458) (31) dan memainkan peranan yang penting dalam penyibaran Islam di Tanah Melayu khasnya di Kepulauan Melayu amnya di abad kelima belas Masihi dan selepasnya. (32)

JOHOR

Para pengkaji sejarah tidak dapat menjelaskan dengan tepat tentang tarikh permulaan Johor menerima Islam. Tepapi walau bagaimanapun besar kemungkinan Johor menerima Islam dari Melaka, kerana negeri tersebut adalah sebahagian dari Melaka. (33) Sejarah Melayu ada menyebut mengenainya;

"...Negeri Melaka terlalu ramai...segaka dagang pun berkampung maka dari air le-leh datang ke Kuala Muar, pasal tiada berputusan lagi dari kampung Keling datang ke Kuala Penajuh itupun tiada perputusan.

Jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi... (34)

Ahli sejarah juga berpendapat bahawa Sultan Alau al-Din Ri ayat Shah Kedua mula membuka Johor setelah ianya buat pertama kalinya menjadi tempat pelarian Sultan Mahmud Shah setelah Melaka ditawan oleh Portugis, kerana terdapat makam Sultan Alau al-Din Kedua di Hulu Pagoh dan makam saudaranya Sulaiman bin Sultan Mansur di Sayung. (35)

PAHANG

Seperti negeri-negeri lain juga Pahang tidak dapat juga bukti jelas dikalangan pengkaji-pengkaji sejarah, tentang tarikh sebenar bilakah ianya menerima Islam. Sehingga kini hanya terjumpa sepasang batu nisan yang bertulis ayat-ayat al Quraan dan Syair dalam bahasa Arab yang menunjukkan si mati dipercayai beragama Islam meninggal dunia di Pahang pada 14hb, Rabiul Awwal tahun 419 Hijrah. (36)

Tarikh yang terdapat pada batu nisan tersebut mungkin tidaklah dapat dijadikan bukti yang cukup untuk menunjukkan bahawa Pahang sudah menerima Islam pada tahun tersebut, kerana mungkin si mati meninggal dunia semasa dalam perjalanan dan dikebumikan di situ. Kemungkinan besar Pahang

menerima Islam sesudah ditakluki oleh Melaka. Sejarah Melayu ada menyebut tentang hal ini;

"Setelah Sultan Mansur Shah berjaya menaklui Pahang, maka baginda telah berkhwini dengan Puteri Maharaja Dewa Sura bernama Puteri Wanang Seri dan dimasukkan Islam ditukar namanya kepada Puteri Lela Wangsa". (37)

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan pendapat W. Linehan yang menyatakan bahawa selepas tahun 1450an agama Islam telah dijadikan agama sesmi di negeri itu. (38)

PERAK

Pengislaman negeri Perak mungkin dilakukan oleh Melaka, kerana mengikut Sejarah Melayu, bahawa kerajaan Beruas dan Manjung yang merupakan kerajaan yang tertua di Perak tertakluk di bawah Melaka ketika pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488-1511). (39) Kenyataan ini dipersetujui oleh P.E. Josselin De Jong yang menyatakan bahawa Sultan Mahmud Shah telah membantu Beruas menentang musuhnya di Manjung. Sebagai hasilnya saudara perempuan raja Beruas telah berkahwin dengan cucu Paduka Tuan Melaka yang kemudiannya telah menjadi Bendahara, dengan demikian Beruas telah menjadi Islam pada waktu itu. (40)

SELANGOR

Bagi negeri Selangor juga tidak terdapat bukti yang jelas bila Selangor menerima Islam; S.Q. Fatimi berpendapat Kelang telah pun menerima Islam dalam abad ketujuh Masihi lagi, apabila berlakunya pelarian saudagar-saudagar Islam dari Canton ke Kalah. Kalah mengikut beliau ialah Kelang,⁽⁴¹⁾

Tetapi kebanyakan ahli sejarah berpendapat di dalam kurun kelima belas Masihi, Selangor baru menerima Islam melalui Melaka., kerana dalam kurun tersebut beberapa daerah dalam negeri Selangor termasuk Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Selangor adalah tertakluk di bawah Kerajaan Melaka.⁽⁴²⁾

Dari segi kedudukannya di bawah taklukan Melaka, maka munasabah Selangor menerima Islam di sekitar abad kelima belas Masihi melalui Melaka.

NEGERI SEMBILAN

Ahli sejarah tidak dapat memastikan bilakah Negeri Sembilan menerima kedatangan Islam. Walau bagaimanapun mungkin agama Islam mulai diterima di negeri tersebut di sekitar abad Kelima Belas Masihi melalui pengislamahan oleh Melaka, kerana daerah-daerah Linggi, Rembau, Gemas, Pedas, Johol, Jempul, Inas dan terachi adalah di bawah takluk Melaka.⁽⁴³⁾